

**3766/1**  
**Perniagaan**  
**Kertas 1**  
**November**  
**2022**  
**1  $\frac{1}{4}$  jam**

Nama: \_\_\_\_\_

Kelas: \_\_\_\_\_



**BAHAGIAN PENDIDIKAN**  
**JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI PERAK**

---

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2022**

**PERNIAGAAN**  
**Kertas 1**

**Satu jam lima belas minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas soalan ini mengandungi **40 soalan** pilihan.
2. Jawab setiap soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A,B,C dan D. Bagi setiap soalan pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.

---

*Kertas soalan ini mengandungi 16 halaman bercetak*

1. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan satu bentuk perniagaan

- Perniagaan dikendalikan mengikut sistem piawaian yang ditetapkan oleh pemegang hak sesuatu jenama
- Peniaga tidak boleh melakukan sebarang inovasi tanpa kebenaran pemegang hak

Apakah bentuk perniagaan yang sesuai bagi kenyataan di atas?

- A Kontrak Pengeluaran
- B Usaha sama
- C Syarikat Sendirian berhad
- D Francais

2. Usaha sama ialah

- A Bentuk perniagaan untuk menjaga kebijakan pemiliknya
- B Hak yang diberi untuk menjalankan perniagaan yang sama jenis
- C Perniagaan yang dijalankan untuk memenuhi permintaan pengguna
- D Dua syarikat bergabung untuk membentuk sesebuah syarikat yang baru.

3. Ciri-ciri di bawah adalah satu bentuk pemilikan perniagaan.

- Hal ehwal syarikat dirahsiakan
- Tidak bebas pindah milik syer
- Liabiliti terhad Modal

Apakah bentuk pemilikan tersebut ?

- A Syarikat sendiriana berhad
- B Syarikat awam berhad
- C Milikan Tunggal
- D Koperasi

4. Gambar di bawah berkaitan dengan milikan perniagaan.



Apakah perbezaan milikan perniagaan tersebut.

- A Mudah ditubuhkan
- B Cukai yang rendah
- C Bebas menguruskan perniagaan
- D Perniagaan yang tidak berterusan

5. Gambar berikut menunjukkan sejenis milikan perniagaan



Pernyataan manakah yang menerangkan perniagaan tersebut?

- I. Menyediakan perkhidmatan langsung
- II. Berskala tempatan
- III. Perniagaan bersaiz besar
- IV. Terlibat dalam sektor ketiga

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

6. Maklumat berikut menunjukkan contoh aktiviti-aktiviti sektor perniagaan.

**X: Perlombongan Petroleum**

**Y: Pengangkutan gas cecair**

Klasifikasi sektor manakah yang tepat?

	X	Y
A	Sektor Utama	Sektor kedua
B	Sektor ketiga	Sektor kedua
C	Sektor utama	Sektor ketiga
D	Sektor utama	Sektor kedua

7. Maklumat berikut menunjukkan suatu peranan kerajaan di Malaysia.

Menangani isu perniagaan dari aspek perundangan, kewangan dan perkembangan aktiiti perniagaan.

Pernyataan di atas merujuk kepada peranan

- A kerajaan pusat
- B kerajaan negeri
- C kerajaan tempatan
- D pihak berkuasa tempatan

8. Apakah kesan trend menurun kepada ekonomi negara?

- A Permintaan barang pengguna meningkat
- B Perbelanjaan mengurus perniagaan meningkat
- C Peningkatan pembayaran cukai kepada kerajaan
- D Peningkatan kawalan kuantiti pengeluaran produk

9. Pernyataan manakah yang menunjukkan trend pertumbuhan ekonomi yang meningkat?

- A Guna tenaga semakin menurun
- B Peniaga mengurangkan operasi pengeluaran
- C Jualan dan keuntungan perniagaan adalah malar
- D Cukai yang dikutip oleh kerajaan semakin meningkat

10. Pernyataan berikut menunjukkan tindakan kerajaan untuk mengawal keadaan ekonomi.

- Meningkatkan kadar faedah
- Meningkatkan kadar cukai

Tindakan kerajaan di atas adalah bertujuan untuk mengatasi masalah?

- A Deflasi
- B Subsidi
- C Inflasi
- D Peningkatan cukai

11. Maklumat di bawah berkaitan faktor luaran yang menjadi ancaman kepada sesebuah syarikat.

- Tenaga solar lebih mesra alam dan bersih
- Penggunaannya lebih murah berbanding sumber tenaga lain

Apakah faktor luaran tersebut?

- A Teknologi
- B Politik
- C Ekonomi
- D Ekologi

12.

Syarikat Batik Siti Kelantan mensasarkan pengeluaran batik sebanyak 6000 helai dalam tempoh masa seminggu sebagai memenuhi permintaan pelanggan dalam dan luar negara

Nyatakan ciri ciri SMART dalam penetapan objektif syarikat Batik Siti Kelantan

- A Spesifik
- B Munasabah
- C Jangka Masa
- D Boleh dicapai

13. Apakah faktor dalaman yang boleh mempengaruhi perubahan objektif perniagaan?

- A Keadaan ekonomi
- B Sumber manusia
- C Undang-undang
- D Gaya hidup

14. Maklumat berikut berkaitan dengan Kedai Kek Mawaddah.

Pengurus Kedai Kek Mawaddah bercadang untuk meningkatkan jualan dengan menerima tempahan secara atas talian dan membuat penghantaran ke premis pembeli

Apakah faktor utama yang mempengaruhi perubahan strategi tersebut?

- A Mempunyai sumber kewangan bagi menampung kos berkaitan
- B Mempunyai tenaga pekerja yang mahir dan berpengalaman
- C Perniagaan dilindungi oleh undang-undang
- D Perubahan dalam teknologi

15. Apakah kesan kegagalan mencapai matlamat dan objektif perniagaan?

- A Kualiti produk terjejas
- B Gagal dalam persaingan
- C Produktiviti pekerja menurun
- D Pengeluaran produk berkurang

16. Maklumat berikut menunjukkan dua buah perniagaan yang terdapat di Bandar Ipoh.

FAMILY STORE

KILANG BISKUT JULIES

Bahagian Fungsian yang manakah hanya terdapat di Kilang Biskut Julie?

- A Jualan
- B Pembelian
- C Pengeluaran
- D Pengurusan Sumber Manusia

17. Apakah peranan bahagian fungsian teknologi maklumat dan komunikasi dalam sesebuah organisasi perniagaan?

- A Dapat meningkatkan produktiviti
- B Memudahkan pengurusan inventori
- C Memastikan keselamatan ICT
- D Dapat membuat perancangan kewangan

18. Maklumat berikut merupakan antara tugas yang perlu dilakukan oleh Encik Amirullah.

- Melengkapkan dokumen penghantaran
- Menyediakan jadual pergerakan kenderaan
- Menyelesaikan masalah proses pengedaran

Dibahagian fungsian apakah Encik Amirullah bertugas?

- A Bahagian fungsian jualan
- B Bahagian fungsian pengagihan
- C Bahagian fungsian pemasaran
- D Bahagian fungsian pentadbiran

19. Maklumat di bawah adalah berkaitan dengan pakej tuisyen yang akan ditawarkan oleh Pusat Tuisyen Bijak.

**Pusat Tuisyen Bijak**

- **Subjek yang ditawarkan untuk pelajar SPM: Fizik, Kimia, Biologi, Matematik Tambahan, Prinsip Perakaunan dan Ekonomi.**
- **Subjek tunggal RM70.00. Empat subjek hanya perlu RM240.00**

Encik Arif bercadang untuk membuka sebuah pusat tuisyen di Taman Chai Leng, Butterworth dengan menawarkan pakej tuisyen di atas. Apakah bahagian fungsian yang perlu ditubuhkan di pusat tuisyen tersebut.

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

20. Pernyataan manakah yang menerangkan maksud Pengurusan sumber manusia?

A Usaha membina imej baik organisasi

B Usaha untuk membangunkan tenaga kerja dalam organisasi


C Usaha untuk mengurangkan risiko kerugian akibat kemerosotan

D Usaha untuk meningkatkan kecekapan sistem pentadbiran dalam organisasi

21. Pada pendapat anda, akta manakah yang mengawal tindak-tanduk pihak pengurusan sebuah syarikat pengeluaran kereta berhubung prosedur mengurus sumber fizikal?

- A Akta Syarikat 2016
- B Akta Alam Sekeliling 1974
- C Akta Kilang dan Jentera 1967
- D Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994

22. Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis sumber pembiayaan.



Apakah Z?

- A Syer
  - B Pajakan
  - C Overdraf
  - D Pemfaktoran
23. Manakah sumber pembiayaan luaran bagi sebuah pasar raya yang ditubuhkan sebagai perniagaan perkongsian?

- I. Syer
- II. Pemfaktoran
- III. Overdraf bank
- IV. Modal daripada keuntungan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

24. Maklumat yang berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan yang ingin membuat pinjaman daripada bank dan institusi kewangan untuk mengembangkan perniagaan.

<b>Bentuk pemilikan perniagaan:</b>	Syarikat sendirian berhad ditubuhkan pada tahun 2000
<b>Aktiviti perniagaan:</b>	Menghasilkan pelbagai jenis perabot untuk pasaran tempatan
<b>Modal permulaan:</b>	RM500,000
<b>Jumlah modal tambahan bagi tujuan perkembangan perniagaan:</b>	RM1.5 juta
<b>Sandaran bernilai:</b>	Tiada sebarang sandaran bernilai

Apakah kemudahan kewangan yang disediakan oleh agensi kerajaan supaya bank meluluskan permohonan pinjaman yang dikemukakan oleh perniagaan berkenaan?

- A Geran
  - B Jaminan kredit
  - C Kemudahan pajakan
  - D Kemudahan pemfaktoran
25. Antara yang berikut, butiran manakah yang boleh diperoleh daripada Kunci Kira-kira?
- I. Stok awal
  - II. Kos jualan
  - III. Ekuiti pemilik
  - IV. Aset bukan semasa

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

26. Maklumat yang berikut berkaitan dengan penyata aliran tunai.

	RM
Baki awal	(200)
Pembiayaan	100
Pinjaman	150
Jualan tunai	300
Penghutang	250

Berapakah baki akhir?

- A RM400
  - B RM600
  - C RM650
  - D RM800
27. Encik Ali merupakan pemilik sebuah kilang pengeluaran perabot. Bagaimanakah analisis penyata pendapatan membantu Encik Ali?
- I. Mengukur prestasi perniagaan pada tahun semasa
  - II. Mengambil tindakan untuk meningkatkan keuntungan perniagaan
  - III. Dapat mengambil tindakan untuk mengurangkan hutang perniagaan
  - IV. Dapat mengetahui kedudukan aset semasa dan aset bukan semasa perniagaan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

28. Syarikat Smartees Sdn. Bhd. mengeluarkan beg sekolah. Kos tetap yang ditanggung oleh syarikat ialah RM350 000. Beg dijual dengan harga RM60 seunit. Kos berubah seunit RM25. Modal syarikat berjumlah RM400 000.

Berapakah titik pulang modal?

- A 10 000 unit
- B 14 000 unit
- C 16 000 unit
- D 20 000 unit

29. Mengapakah perniagaan membuat analisis operasi kewangan perniagaan menggunakan Titik Pulang Modal (TPM)?

- A Untuk mengetahui aliran tunai semasa perniagaan
- B Untuk mengetahui kedudukan aset, liabiliti, dan ekuiti pemilik
- C Untuk mengetahui untung kasar dan untung bersih perniagaan
- D Untuk mengetahui sama ada jumlah hasil dapat menampung kos jualan

30. Antara yang berikut, manakah keberuntungan perniagaan kepada seseorang usahawan?

- I. Meluaskan pasaran
  - II. Memantapkan imej perniagaan
  - III. Melaksanakan tanggungjawab sosial
  - IV. Memberi kebebasan untuk mengurus perniagaan
- 
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV

31. Antara yang berikut, manakah yang tertakluk di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956?

- I. Kedai Runcit Lee
  - II. Pasar Mini Harmoni
  - III. Syarikat Prima Berhad
  - IV. Syarikat Aloha Sendirian Berhad
- 
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan III
  - D III dan IV

32. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Encik John Lim.

Encik John Lim ialah pengusaha sarung tangan getah. Beliau menggaji seramai 500 orang pekerja dalam kilangnya. Hasil beliau dieksport ke seluruh dunia.

Apakah kelebihan menjadi usahawan kepada masyarakat?

- A Membuka peluang pekerjaan
- B Sumber pendapatan diri dan keluarga
- C Memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat
- D Dapat memperkenalkan produk tempatan ke luar negara

33. Encik Azri dan Encik Wee berhasrat untuk menubuhkan syarikat persendirian. Mengapa mereka perlu membuat permohonan carian nama syarikat?

- A Untuk mencari nama yang ringkas
- B Untuk mencari nama yang bercirikan Malaysia
- C Untuk mengelakkan daripada menggunakan nama syarikat yang sama
- D Untuk mengelakkan daripada menggunakan nama syarikat yang telah didenda


34. Maklumat yang berikut berkaitan dengan sebuah dokumen perniagaan.

Dokumen ini diguna pakai apabila jualan barang niaga dilakukan secara hutang.

Apakah dokumen perniagaan tersebut?

- A Penyata bank
- B Bil tunai
- C Invois
- D Resit

35. Rajah di bawah ini menunjukkan prosedur pendaftaran perniagaan milikan tunggal.



Pernyataan manakah yang betul tentang **X**?

- A Melengkapkan borang kelulusan nama
- B Permohonan carian nama perniagaan
- C Mengisi Borang Pendaftaran Perniagaan (Borang A)
- D Menyerahkan bayaran pendaftaran perniagaan

36. Antara yang berikut, butir manakah yang dimasukkan dalam akaun perdagangan?

I. Sewa

II. Duti import

III. Angkutan keluar

IV. Upah atas belian

A I dan II

B I dan III

C II dan IV

D III dan IV

37. Pilih pasangan yang betul.

	<b>Urus Niaga</b>	<b>Dokumen Perniagaan</b>
I	Beli barang niaga secara tunai	Bil tunai
II	Ambilan barang niaga oleh pemilik	Memo
III	Bayar gaji pekerja dengan cek	Invois
IV	Beli komputer pejabat secara kredit	Slip daftar tunai

A I dan II

B I dan III

C II dan IV

D III dan IV

38. Pernyataan manakah yang benar tentang pemasaran?

A Aktiviti jual beli barang untuk mendapatkan keuntungan

B Aktiviti mengeluarkan barang untuk memenuhi kehendak pengguna

C Aktiviti pertukaran hak milik barang antara penjual dengan pembeli

D Aktiviti menyalurkan barang dan perkhidmatan daripada pengeluar kepada pengguna

39. Pernyataan berikut berkaitan dengan bahagian fungsian pengagihan.

Encik Abu mendapatkan stok baju daripada A & Z Enterprise dan menjualnya di pasar malam.

Apakah saluran agihan yang digunakan?

- A Pengeluar → Pengguna
- B Pengeluar → Peruncit → Pengguna
- C Pengeluar → Ejen → Peruncit → Pengguna
- D Pengeluar → Pemberong → Peruncit → Pengguna

40. Maklumat berikut berkaitan dengan media pengiklanan.

Sebuah pasar mini yang baru dibuka di sebuah taman perumahan ingin mengadakan promosi kepada penduduk sekitar.

Antara yang berikut, media pengiklanan manakah yang sesuai digunakan?

- I. Surat khabar
  - II. Halaman kuning
  - III. Risalah
  - IV. Poster
- 
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

**KERTAS SOALAN TAMAT**